

Latihan 3:

Seret imbuhan sisipan yang sesuai dengan perkataan bergaris dalam ayat.

gemilang

semerbak

cerucuk

telunjuk

telapak

kemuncup

gelembung

serabut

gementar

kemelut

1

Lina menyembur minyak wangi yang serbak baunya.

2

Akibat kemalangan itu, jari tunjuk abang telah patah.

3

Ibu sukar membasuh seluar adik yang terdapat banyak kuncup.

4

Rumput hiasan itu mempunyai akar sabut yang banyak dan halus.

5

Negara bakal menghadapi kelut ekonomi jika wabak COVID-19 ini masih berterusan.

6

Nazirah berasa gentar ketika hendak menemu ramah Sejarawan Negara itu.

7

Air minuman berkarbonat itu mengeluarkan gembung udara apabila dibuka.

8

Adik berasa gatal pada tapak tangannya kerana bermain pasir sewaktu berkelah.

9

Kawasan itu agak bising kerana kerja-kerja memasang cucuk untuk pembinaan jejantas sedang dilakukan.

10

Sambutan Bulan Kebangsaan Sekolah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn berlangsung dengan sungguh gilang.